

24/12/1999

Dr M yakin ahli Umno sokong Pak Lah sebagai pengganti

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya ahli Umno akan menyokong Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya jika beliau berundur nanti.

Perdana Menteri berkata, ahli Umno yang akan menentukan mengenai siapa penggantinya.

"Sudah tentu, jika saya mengundur diri sekarang, Datuk Abdullah akan mengambil alih dan saya berpendapat Umno akan menyokong beliau sebagai pengganti saya," katanya selepas melancarkan syiling emas peringatan alaf baru di The Palace of Golden Horses, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai bakal penggantinya berikutan kenyataan beliau baru-baru ini bahawa penggal sekarang adalah yang terakhir baginya menjadi Perdana Menteri.

Selepas mengumumkan Kabinet pada 10 Disember lalu, Dr Mahathir menyatakan penggal sekarang adalah terakhir baginya walaupun masih ada rakyat meminta beliau terus berkhidmat.

Abdullah, 60, yang juga menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno sejak September tahun lalu, dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri pada 8 Januari lalu

Dalam pilihan raya umum 29 November itu, Abdullah mengekalkan kerusi Parlimen Kepala Batas dengan majoriti 11,175 undi menewaskan calon Pas.

Ditanya mungkinkah perhimpunan agung Umno diadakan lebih awal tahun depan, Dr Mahathir berkata masih terlalu awal untuk menimbangkan perkara itu.

"Kita belum menimbangkan apa-apa langsung. Saya rasa ada banyak masa...kita tidak perlu terburu-buru. Kita akan buat secara berhemat," katanya.

Umno dijadual mengadakan perhimpunan agung pada Jun depan tetapi ada laporan menyebut ia kemungkinan diadakan lebih awal iaitu selepas Hari Raya Haji, Mac depan dalam usaha membendung kempen keterlaluan dalam perebutan jawatan parti.

Selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Ahad lalu, Dr Mahathir berkata tarikh Perhimpunan Agung parti itu sepatutnya dibincangkan di mesyuarat berkenaan tetapi ditangguhkan.

(END)